

TERMA DAN SYARAT
Pertukaran Mata Wang CIMB Bank – Kempen Hadiah Pelancongan Eksklusif

1. Tempoh Kempen

- 1.1. Pertukaran Mata Wang CIMB Bank – Kempen Hadiah Pelancongan Eksklusif ("Kempen") dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad [197201001799 (13491-P)] ("**CIMB Bank**") dan akan diadakan dari 1 Jun 2025 hingga 28 Februari 2026, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**").
- 1.2. Setiap sebutan "CIMB" atau "Bank" merujuk kepada CIMB Bank.
- 1.3. CIMB Bank berhak mengubah tempoh, tarikh mula dan/atau tarikh akhir Tempoh Kempen dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu.

2. Kelayakan

- 2.1. Kempen ini terbuka kepada semua individu yang tinggal di Malaysia, termasuk warganegara Malaysia, pemastautin tetap dan bukan warganegara Malaysia (kecuali warganegara yang dinyatakan dalam Fasal 2.2 di dalam ini) yang membeli di mana-mana kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB Bank ("**Kaunter CCE**") yang memaparkan bahan pemasaran "Kempen Hadiah Pelancongan Eksklusif & Beli Pertukaran Mata Wang CIMB Bank" yang terletak di **CCE** dalam Fasal 3.1.7 ("**Peserta Layak**").
- 2.2. Walau apa pun yang terkandung dalam Fasal 2.1 di atas, warganegara berikut tidak layak untuk menyertai Kempen ini:
 - a) Iran;
 - b) Korea Utara;
 - c) Cuba;
 - d) Israel;
 - e) Syria;
 - f) Republik Rakyat Donetsk & Republik Rakyat Luhansk (Ukraine)
 - g) Sudan Utara; Dan
 - h) Wilayah Crimea.

3. Cara Menyertai Kempen

- 3.1. Terdapat Tiga (3) peringkat Kempen.

- 3.1.1. Peringkat Pertama

Peserta Layak yang memenuhi kriteria berikut berhak menerima Set Kutleri (Pisau, Sudu, Garpu) Pertukaran Mata Wang CIMB Bank ("**Hadiah A**"):

(a) Menukar jumlah minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu Lima Ratus (RM1,500.00) kepada mana-mana mata wang asing yang dijual oleh CIMB Bank; atau

(b) Menukar mana-mana mata wang asing dengan nilai bersamaan Ringgit Malaysia Satu Ribu Lima Ratus (RM1,500.00) yang dibeli oleh CIMB Bank kepada mata wang asing lain yang dijual oleh CIMB Bank.

Selepas ini dirujuk sebagai "**Transaksi Layak Peringkat Pertama**".

3.1.2. Peringkat Kedua

Peserta Layak yang memenuhi kriteria berikut berhak menerima Beg Peralatan Mandian Pertukaran Mata Wang CIMB Bank ("**Hadiah B**"):

(c) Menukar jumlah minimum Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000.00) kepada mana-mana mata wang asing yang dijual oleh CIMB Bank; atau

(d) Menukar mana-mana mata wang asing dengan nilai bersamaan Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000.00) yang dibeli oleh CIMB Bank kepada mata wang asing lain yang dijual oleh CIMB Bank.

Selepas ini dirujuk sebagai "**Transaksi Layak Peringkat Kedua**".

3.1.3. Peringkat Ketiga

Peserta Layak yang memenuhi kriteria berikut berhak menerima Beg Pelancongan Pertukaran Mata Wang CIMB Bank ("**Hadiah C**"):

(e) Menukar jumlah minimum Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000.00) kepada mana-mana mata wang asing yang dijual oleh CIMB Bank; atau

(f) Menukar mana-mana mata wang asing dengan nilai bersamaan Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000.00) yang dibeli oleh CIMB Bank kepada mata wang asing lain yang dijual oleh CIMB Bank.

Selepas ini dirujuk sebagai "**Transaksi Layak Peringkat 3**".

3.2. **Transaksi Layak Peringkat Pertama, Transaksi Layak Peringkat Kedua dan Transaksi Layak Peringkat Ketiga** selepas ini secara bersama dirujuk sebagai "**Transaksi Layak**".

3.3. Hadiah A, Hadiah B dan Hadiah C secara bersama dirujuk sebagai "**Hadiah**".

3.4. Kempen ini hanya boleh disertai dengan Transaksi Layak yang dilaksanakan di mana-mana kaunter CCE.

3.5. Kempen ini bertujuan memberi Hadiah kepada Peserta Layak jika mereka melakukan mana-mana Transaksi Layak dan tertakluk kepada syarat siapa dahulu didahulukan, selagi stok masih ada.

3.6. Setiap Peserta Layak yang berjaya melaksanakan Transaksi Layak dalam Tempoh Kempen seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3 sepanjang Tempoh Kempen akan:

- (a) Menerima Hadiah A, Hadiah B atau Hadiah C di Kaunter CCE di mana Transaksi Layak dilaksanakan;
 - (b) Berhak mendapat hanya satu (1) Hadiah sahaja selepas menyempurnakan setiap Transaksi Layak dalam satu resit selagi stok masih ada.
- 3.7. Hadiah disediakan atas dasar "seadanya" dan tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai atau sebarang bentuk kredit. Sekiranya berkenaan, Hadiah ini tertakluk kepada terma dan syarat pembekal, pengilang dan/atau peniaga Hadiah berkaitan, dengan terma dan syaratnya yang berasingan daripada terma dan syarat CIMB Bank yang mentadbir Kempen ini.
- 3.8. Hadiah tertakluk kepada terma dan syarat berikut:
- (a) Imej Hadiah yang ditunjukkan dalam mana-mana bahan pemasaran dan/atau iklan adalah untuk tujuan gambaran sahaja dan warna/reka bentuk mungkin berbeza daripada Hadiah sebenar yang diterima.
 - (b) Peserta Layak tidak dibenarkan memilih atau menukar warna atau model Hadiah.
 - (c) Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang, CIMB Bank menafikan sebarang pernyataan, waranti atau pengendorsan, sama ada secara tersirat atau tersurat, bertulis atau lisan, bagi Hadiah tersebut.
 - (d) Hadiah disediakan oleh vendor yang berkenaan di bawah terma dan syarat seperti yang ditentukan oleh vendor. Oleh yang demikian CIMB Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas terhadap mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) berhubung dengan Hadiah ini.
 - (e) Semua risiko, kerugian atau ganti rugi yang berkaitan dengan penebusan atau penggunaan Hadiah akan ditanggung oleh Peserta Layak.
 - (f) Peserta Layak hendaklah merujuk kepada vendor Hadiah untuk sebarang aduan yang berkaitan dengan Hadiah.
 - (g) Peserta Layak menerima dan memperakui bahawa Hadiah tersebut tidak disahkan oleh CIMB Bank. Oleh yang demikian pemberian Hadiah tidak boleh dianggap sebagai pengesahan atau cadangan terhadap Hadiah tersebut oleh CIMB Bank.
 - (h) Liabiliti CIMB Bank berhubung Hadiah ini hanyalah untuk membayar harganya kepada vendor/pembekal.

4. Terma dan Syarat Am

- 4.1. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:
- (a) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma dan Syarat ini;

(b) memberi kebenaran kepada CIMB Bank untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;

(c) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara adil dan munasabah oleh CIMB Bank berhubung dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk pemberian Hadiah dan penentuan Peserta Layak, adalah mutakhir, mengikat dan muktamad; dan

(d) bersetuju bahawa CIMB Bank tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan oleh Peserta Layak sekiranya CIMB Bank tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada kewajipannya dalam Terma dan Syarat ini yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan atau talian transmisi data;
- (ii) kegagalan elektrik;
- (iii) pertikaian perindustrian, perang, mogok atau rusuhan;
- (iv) apa-apa bencana alam di luar kawalan CIMB Bank; atau
- (v) apa-apa faktor yang bersifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB Bank.

4.2. Peserta Layak akan dibatalkan daripada menyertai Kempen dan/atau Hadiah akan ditarik balik jika dalam Tempoh Kempen dan/atau sebelum penghantaran Hadiah:

(a) Peserta Layak melanggar terma dan syarat yang berkuat kuasa ke atas Transaksi Layak;

4.3. CIMB Bank berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana Peserta Layak yang dianggap sebagai:

- (a) mengganggu proses penyertaan; dan/atau
- (b) bertindak melanggar Terma dan Syarat ini.

4.4. CIMB Bank berhak untuk:

- (a) menggantikan Hadiah dengan barangan lain pada kos yang sama; dan/atau
- (b) melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini.

dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta Layak melalui:

- (i) pengumuman di laman web CIMB Bank; dan/atau
- (ii) notis di cawangan CIMB Bank; dan/atau
- (iii) notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB Bank; dan/atau
- (iv) melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang dipilih oleh CIMB Bank.

Untuk mengelakkan keraguan, CIMB Bank tidak bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada sebarang Hadiah dan/atau sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau lanjutan Kempen.

- 4.5. CIMB Bank tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak bagi sebarang kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:

(a) Peserta Layak menyertai atau tidak menyertai Kempen ini;

melainkan kerugian atau ganti rugi tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya atau keingkaran sengaja CIMB Bank.

- 4.6. (a) CIMB Bank berhak untuk mengubah, menambah, memotong atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini ("Pindaan") dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta Layak melalui:

- (i) pengumuman di laman web CIMB Bank; dan/atau
- (ii) notis di cawangan CIMB Bank; dan/atau
- (iii) notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB Bank; dan/atau
- (iv) iklan di satu akhbar pilihan CIMB Bank; dan/atau
- (v) melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang dipilih oleh CIMB Bank.

(b) Pindaan ini akan dianggap mengikat Peserta Layak dari tarikh seperti yang dinyatakan oleh CIMB Bank dalam pemberitahuan tersebut.

(c) Peserta Layak bersetuju untuk melayari laman web CIMB Bank dari semasa ke semasa untuk melihat terma dan syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mendapat maklumat terkini tentang sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat ini.

- 4.7. CIMB Bank tidak bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak secara langsung atau tidak langsung daripada Pindaan tersebut.

- 4.8. Peserta Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan Bank dibayar ganti bagi apa-apa yuran, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat:

(a) penyertaan Peserta Layak dalam Kempen ini;

(b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah oleh Peserta Layak.

- 4.9. Terma dan Syarat ini:

(a) hendaklah diguna pakai untuk mengatasi mana-mana peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan

(b) hendaklah dibaca bersama-sama dengan terma dan syarat sedia ada Transaksi Layak yang dikenakan sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.

4.10. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada mana-mana undang-undang sedia ada, peraturan dan garis panduan, arahan, notis yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa pengawalseliaan ke atas CIMB Bank dari semasa ke semasa.

4.11. (a) Peserta Layak boleh menghubungi Unit Penyelesaian Pelanggan ("CRU") CIMB Bank untuk memberikan sebarang maklum balas dan/atau mengemukakan aduan berhubung Kempen ini melalui surat, panggilan telefon, faks dan e-mel:

Alamat: Unit Penyelesaian Pelanggan (CRU), PETI SURAT 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / Faks: +603 2691 3248 / E-mel: contactus@cimb.com

(b) CIMB Bank boleh mengubah butiran hubungan di atas dengan memaklumkan Peserta Layak melalui pengumuman di laman web CIMB Bank atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang dipilih oleh CIMB Bank.